

**Perlembagaan Baharu Jadikan Pemilihan MT UMNO Lebih Terbuka, Demokratik -  
Najib  
Bernama  
27 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata UMNO akan menjadi lebih terbuka, demokratik dan inklusif pada pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) parti itu Oktober ini.

Najib yang juga Presiden UMNO berkata ini kerana pemilihan itu akan dijalankan berdasarkan pada perlembagaan parti yang baharu.

"Pemilihan ahli Majlis Tertinggi UMNO yang berdasarkan perlembagaan baharu parti, insya-Allah, bakal menjadikan UMNO lebih terbuka, demokratik dan inklusif," katanya di laman Facebooknya, Sabtu.

Pada mesyuarat MT Jumaat, Najib mengumumkan tarikh pemilihan jawatan MT UMNO akan diadakan serentak dengan mesyuarat perwakilan bahagian pada 5 Okt ini.

Pindaan perlembagaan UMNO yang diluluskan pada 2009 antara lain meningkatkan jumlah perwakilan untuk pemilihan jawatan tertinggi parti dan jawatan peringkat bahagian, selain menghapuskan sistem kuota dalam pemilihan parti.

Lebih 150,000 perwakilan UMNO daripada 191 bahagian di seluruh negara akan membuat pemilihan pucuk pimpinan parti tahun ini, berbanding hanya 2,500 sebelum ini.

Sementara itu, pemilihan jawatan tertinggi sayap Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO akan diadakan secara berasingan pada 28 Sept ini, dan Perhimpunan Agung UMNO akan diadakan dari 2 hingga 7 Dis ini.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966503>